

Sisa tidak dibenarkan punca pencemaran Sungai Semenyih

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

SHAH ALAM – Punca Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih terpaksa ditutup selama 10 jam bermula pukul 5 petang kelmarin disyaki perbuatan pihak tidak bertanggungjawab membuang sisa yang tidak dibenarkan ke dalam sistem pembentungan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi

(STI) dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian berkata, lokasi pembuangan sisa tidak dibenarkan itu telah dikesan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang menjalankan siasatan ke atas sistem *manhole* atau lurang jaringan pembentungan awam di Bandar Bukit Mahkota, Bangi.

Menurutnya, hasil siasatan mendapati satu *manhole* berbau pelarut di sekitar kawasan perumahan



Gangguan air di Selangor jejas lebih sejuta pengguna

KERATAN Kosmol Ahad semalam.

Bandar Bukit Mahkota yang berkemungkinan menjadi lokasi utama kemusuk pelarut sebelum merebak ke loji kumbahan milik Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK).

“Sisa pembuangan ini tidak dapat dirawat oleh loji kumbahan dan menyebabkan bau pelarut yang kuat mengalir ke Sungai Beranang dan seterusnya ke Sungai Se-

menyih yang merupakan sumber air mentah kepada LRA Sungai Semenyih,

“Untuk mengatasi masalah itu, kita telah membuat pendosan *activated carbon* sebanyak 575 kilogram pukul 3 pagi tadi (semalam) di loji berkenaan dan berjaya menurunkan kadar bau kepada satu ton,” katanya di sini semalam.

Menurut Loy Sian, hujan lebat pada malam kelmarin dan awal pagi semalam juga telah meningkatkan

kadar pencairan sungai dan menyebabkan penurunan bau di Sungai Semenyih.

Tambah beliau, LRA Sungai Semenyih telah mula beroperasi sepenuhnya pukul 4.30 pagi tadi.

Mengulas lanjut, jelasnya, LUAS bersama pihak terlibat sedang berusaha mengenal pasti pihak yang melakukan pencemaran berkenaan dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani isu berkenaan.